



PETIKAN AKHBAR

SBEZ Kota Perdana bakal jadi pemangkin pulih semula ekonomi Wilayah Utara – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 10 MAC 2021



PUTRAJAYA, 10 Mac – Potensi Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam, Kedah, untuk menarik pelaburan baharu akan memangkin momentum dalam usaha kerajaan memulihkan semula ekonomi pasca pandemik COVID-19 khususnya di wilayah utara, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata kelebihan dimiliki bandar sempadan Bukit Kayu Hitam di Kedah itu adalah ia merupakan laluan utama perdagangan rentas sempadan di wilayah utara.

"Laluan utama perdagangan rentas sempadan di utara dengan anggaran nilai kira-kira RM40 bilion setahun harus dimanfaatkan semaksimum mungkin," katanya pada majlis menandatangani perjanjian jual beli tanah di SBEZ antara Hartalega NSM Sdn Bhd dan Northern Gateway Free Zone Sdn Bhd, di sini, hari ini, yang turut dihadiri Menteri Besar Kedah Muhammad Sanusi Md Nor.

Northern Gateway Free Zone adalah anak syarikat Northern Gateway Sdn Bhd iaitu pengusaha utama SBEZ, yang

juga entiti milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc).

Tengku Zafrul berkata pembangunan komponen hartanah di SBEZ Kota Perdana merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Kewangan untuk menjenamakan semula konsep pembangunan di bandar sempadan Bukit Kayu Hitam.

"Kerja pembangunan infrastruktur utama dan pembinaan depoh lori dan pelepasan dalaman di hab logistik darat SBEZ Kota Perdana akan dimulakan tidak lama lagi dan dijangka siap pertengahan 2022," katanya.

Beliau berkata, Northern Gateway dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah harus memberi tumpuan khusus untuk meneroka peluang pelaburan baharu terutama dalam sektor ekonomi sekunder berimpak tinggi dibangunkan di SBEZ Kota Perdana untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Dalam konteks ini, sumber bahan mentah dan komoditi dari negara jiran yang kini dieksport terus ke negara pengimport utama seperti China, Korea Selatan dan Jepun melalui Pelabuhan Pulau Pinang yang boleh diproses dan dijadikan sebagai produk nilai tambah tinggi bagi pasaran eksport menggunakan pakai teknologi berdaya maju," katanya.

Tengku Zafrul berkata, SBEZ Kota Perdana berada di landasan yang betul untuk mengeksplotasi kelebihan sedia ada yang dimiliki Malaysia dan Thailand seperti sumber bahan mentah serta kemudahan infrastruktur.

Menurutnya, faktor kelebihan lain ialah geo-strategik memandangkan SBEZ Kota Perdana terletak di laluan Rangkaian Lebuh Raya Asia 2 (AHN 2) menghubungkan Singapura dan Thailand serta laluan saluran paip gas Trans Thai-Malaysia.

Justeru ia berpotensi untuk dibangunkan sebagai hab penting dalam rantaian bekalan global bagi industri pembuatan khususnya peranti perubatan dan peralatan penjagaan kesihatan, produk makanan serta komponen automotif, elektronik dan elektrik, katanya.

Sementara itu, Muhammad Sanusi berkata bagi menarik pelaburan ke SBEZ, kerajaan negeri Kedah akan membina loji rawatan air di Kodiang untuk memastikan keperluan air mencukupi ke kawasan zon ekonomi tersebut.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

Copyright © 2021 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Penafian](#)

[Peta Laman](#)

[Bantuan
Arkib](#)